

BAB
15

**DAYA SAING EKSPORT MALAYSIA DAN ASEAN
KE NAFTA DAN KESATUAN EROPAH**

Hussin Abdullah
Norzilah Aziz
Rizaudin Sahlan

Peranan eksport terhadap ekonomi Malaysia semakin menunjukkan kepentingan terutama selepas pengenalan strategi penggalakan eksport pada awal tahun 1970-an. Di dapati peluasan eksport akan dapat menyerap lebih banyak buruh perunit output dan modal berbanding dengan industri penggantian import dan peluasan pasaran domestik. Namun begitu, peluasan eksport tentunya akan menghadapi persaingan dengan negara lain terutamanya bagi keluaran yang sama dan dominasi pasaran antarabangsa lebih dipengaruhi oleh daya saing eksport negara. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk melihat daya saing eksport Malaysia ke region ekonomi dunia iaitu Kesatuan Eropah (EU) dan negara Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) berasaskan kepada analisis anjakan-bahagian (*shift-share analysis*).

Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau ringkasnya ASEAN telah ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok di mana lima negara awal yang terlibat ialah Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Brunei telah menyertai ASEAN pada 8 Januari 1984, diikuti oleh Vietnam pada 28 Julai 1995, Laos dan Myanmar pada 23 Julai 1997 dan akhir sekali Kemboja pada 30 April 1999. Untuk memastikan ekonomi negara ASEAN sentiasa kukuh dan meningkat, hubungan dengan rakan dialog sentiasa dipertingkatkan di mana hubungan baik ini berlaku diperingkat Kementerian Luar Negeri. Pada masa ini, rakan dialog ASEAN terdiri daripada Australia, Kanada, China, EU, India Jepun, Korea, New Zealand, Rusia, Amerika Syarikat dan UNDP.

EU merupakan rakan dialog pertama yang telah mewujudkan hubungan informal dengan ASEAN dalam tahun 1972 menerusi Special Coordinating Committee of ASEAN (SCCAN) bagi mewujudkan hubungan kolaboratif antara kedua-dua wilayah. Pada tahun 1995, EU merupakan pasaran eksport kedua terbesar dan ketiga bagi negara rakan dagangan selepas Jepun dan US. Jumlah dagangan EU dengan ASEAN kira-kira 18% manakala ASEAN ke EU berjumlah hanya 2.6% pada tahun 1995. Keseluruhan perdagangan antara ASEAN dan EU telah berkembang sebanyak 31.5% di mana ia menunjukkan perkembangan yang penting antara pasaran ASEAN dan EU.

Berdasarkan kepada aktiviti pengembangan dan pembangunan infrastruktur, di dapati ASEAN juga menjadi pasaran utama bagi barangan modal EU dan pelaburan. Jumlah pelaburan langsung EU di negara ASEAN telah meningkat kepada 13.1% iaitu dari US\$35 bilion pada tahun 1993 kepada US\$ 39.5 bilion pada tahun 1994.


Bagi hubungan NAFTA pula di sini penulis hanya mengambil dua buah negara sahaja iaitu Amerika Syarikat dan Kanada kerana kedua-dua negara merupakan rakan dialog ASEAN manakala Mexico terkecuali. Hubungan dialog ASEAN-Amerika Syarikat pula telah bermula sejak dari tahun 1977. Pada peringkat awal, perhubungan dialog ASEAN-US lebih tertumpu kepada komoditi, pasaran dan modal, operasi syarikat transnasional, pembangunan sumber tenaga, perkapalan dan keselamatan makanan. Manakala pada tahun 1990an, fokus dialog telah beralih kepada perdagangan dan pelaburan, perpindahan teknologi dan pembangunan sumber manusia di mana sektor swasta memainkan peranan penting dalam pembangunan kerjasama dan hubungan telah dibangunkan bagi memastikan aktiviti ekonomi berjalan lancar di negara ASEAN. Jumlah dagangan di antara Amerika Syarikat dan ASEAN telah meningkat hampir empat kali ganda iaitu US\$ 23 bilion pada tahun 1980 kepada US\$ 80 bilion pada tahun 1996. ASEAN merupakan rakan dagangan ke 4 terbesar bagi Amerika Syarikat selepas Kanada, Jepun dan Mexico. Di mana di antara tahun 1990-94, eksport Amerika Syarikat meningkat pada kadar purata 14.1 %. Pada ketika ini, lebih daripada separuh eksport ASEAN ke Amerika Syarikat meliputi peralatan perindustrian seperti peralatan elektronik, komponen telekomunikasi, komputer dan perkakas komputer.

ARAH ALIRAN EKSPORT ASEAN KE NAFTA DAN EU


Pada umumnya, NAFTA dan EU merupakan pasaran utama eksport Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain. Dengan lahirnya era globalisasi dan e-dagang mengheret Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain melakukan persaingan yang amat hebat di antara mereka secara terbuka berdasarkan daya cipta, daya persaingan dan komponen ilmu dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan.

Rajah 15.1 menunjukkan jumlah keseluruhan peratusan eksport ASEAN ke NAFTA berbanding dunia adalah sebanyak 20%. Filipina merupakan pengeksport yang lebih dominan berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain iaitu sebanyak 35%. Manakala Thailand merupakan pengeksport kedua yang terbesar ke NAFTA berbanding dunia dengan peratusan sebanyak 21%. Malaysia pula merupakan negara yang ketiga dalam kedudukan peratusan eksport tertinggi ke NAFTA iaitu sebanyak 20%. Selanjutnya dalam Rajah 15.2 menunjukkan peratusan eksport ASEAN ke EU berbanding dunia. Jumlah keseluruhan peratusan eksport ASEAN ke EU berbanding dunia adalah sebanyak 14%. Filipina masih unggul dengan memperlihatkan penguasaan eksportnya ke EU berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain iaitu sebanyak 18%. Manakala Malaysia dan Singapura mempunyai peratusan eksport ke EU yang hampir sama iaitu 14% selepas negara Thailand yang mempunyai peratusan sebanyak 15%. Brunei merupakan penyumbang peratusan eksport yang terendah ke EU iaitu sebanyak 0.5%. Dapat disimpulkan bahawa keseluruhan peratusan eksport ASEAN ke NAFTA dan EU berbanding dengan dunia adalah sebanyak 34%. Peratusan ini dapat dikatakan peratusan yang besar juga berbanding dengan negara-negara Asia Barat, China, mahupun Jepun.

RAJAH 15.1



RAJAH 15.2



Kajian Berkaitan Perdagangan Dan Analisis Anjakan-Bahagian

Kajian Berkaitan Perdagangan Dan Analisis Anjakan-Bahagian

Bagi memperkukuhkan analisis anjakan bahagian yang digunakan dalam penulisan ini, penulis telah melihat pengkajian yang telah dilakukan oleh beberapa penulis terdahulu. Antaranya adalah seperti Voon (1998) cuba melihat perbandingan bahagian eksport, campuran produk, struktur industri dan pertumbuhan eksport antara China dan ASEAN-4 (Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) sebagai pengeksport utama komoditi, barangan berintensifkan buruh, sama seperti pembuatan berintensifkan modal ke pasaran Amerika Syarikat. Ini memperlihatkan jumlah eksport China dan ASEAN-4 ke Amerika Syarikat yang diasingkan kepada 4 kumpulan utama produk; (1) produk pertanian (SITC kod 0-2); (2) produk utama sumber asli (SITC kod 3-4); (3) pembuatan yang berintensifkan buruh (SITC kod 6 & 8); (4) pembuatan yang secara relatif kurang menggunakan intensif buruh (SITC kod 5, 7, dan 9). Tingkat persaingan antara China dan ASEAN-4 dalam pasaran Amerika Syarikat diukur dengan menggunakan kaedah kajian analisis anjakan bahagian. Model ini dapat memberi kesan ke atas perbezaan struktur industri dan kadar pertumbuhan di atas kemajuan eksport China dan setiap negara ASEAN-4 dalam pasaran Amerika Syarikat. Dalam mengukur kesan bahagian, didapati China dan Malaysia secara keseluruhan mempunyai prestasi yang baik berbanding dengan Indonesia, Singapura dan Thailand dalam pasaran Amerika Syarikat. Bagi kesan struktur industri, China dan Singapura secara purata mempunyai struktur yang menggalakkan. Dalam mengukur kesan daya saing, didapati China, Malaysia dan Indonesia mempunyai daya saing yang positif. Keseluruhan, mendapati China mempunyai prestasi dagangan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara ASEAN-4 dalam pasaran import Amerika Syarikat

Wilson dan Wong (1999) pula melihat daya saing eksport ekonomi ASEAN-5 (Singapura, Thailand, Malaysia, Filipina dan Indonesia) dalam pasaran Amerika Syarikat dan Jepun bagi tempoh 1986 dan 1995. Mereka menggunakan analisis anjakan bahagian yang mana data 2 digit bagi 5 kategori eksport barangan pembuatan. Kategori eksport barangan pembuatan ini adalah (1) bahan kimia organik (SITC 51); (2) mesin pemrosesan data/pejabat (SITC 75); (3) peralatan bunyi/telekomunikasi (SITC 76); (4) jentera elektrik (SITC 77); dan (5) pakaian dan baju (SITC 84). Peranan anjakan bahagian dalam kajian ini ialah membandingkan perubahan dalam persaingan eksport bagi anggota ASEAN pada tingkat

SITC 2 digit ke Amerika Syarikat dan Jepun. Hasilnya menunjukkan Singapura mempunyai kekuatan dalam pasaran mesin pemprosesan data/pejabat ke Amerika Syarikat dan Jepun melalui kesan campuran industri. Walau bagaimanapun Singapura gagal mengatasi Malaysia dalam persaingan bagi pasaran kimia organik dan peralatan bunyi/telekomunikasi.

Herschede (1991) juga turut menggunakan kaedah analisis anjakan-bahagian bagi melihat persaingan antara ASEAN, China, dan Negara-negara Perindustrian Baru (Newly Industrializing Countries - NICs) Asia Timur dalam pasaran ke negara Jepun dari tahun 1982 hingga 1987. Didapati China menikmati kelebihan bersaing yang lebih berbanding dengan Asia sebagai rujukan ekonomi. Disamping itu juga tujuh daripada sepuluh kategori SITC memperlihatkan China mendapat keuntungan eksport berbanding dengan kumpulan ekonomi keseluruhan. Manakala eksport ASEAN pula mengalami kemelesetan hasil daripada kemasukan China ke pasaran Jepun. Lapan daripada sepuluh kategori SITC ASEAN didapati tidak mempunyai kelebihan persaingan berbanding dengan Asia sebagai rujukan ekonomi. NICs Asia Timur pula mempunyai kelebihan persaingan berbanding dengan kelemahan persaingan ASEAN.

ANALISIS ANJAKAN-BAHAGIAN

Penggunaan kaedah *analisis anjakan-bahagian* telah digunakan secara meluas dalam analisis kewilayahan terutama dalam melihat perbezaan pertumbuhan antara peringkat wilayah dan negara bagi pembolehubah-pembolehubah ekonomi seperti guna tenaga dan produktiviti. Analisis anjakan-bahagian yang digunakan dalam penulisan ini adalah bersandarkan kepada versi Richardson (1978) dan Esteban (1972), tetapi lebih terfokus kepada pertumbuhan dalam eksport melalui dua tempoh masa berbanding pertumbuhan dalam guna tenaga. Walaupun teknik ini merupakan teknik yang agak mudah dan ringkas, tetapi teknik ini amat berguna dalam memisahkan perbezaan tren prestasi wilayah dan berupaya menawarkan data-data kepada penggubal dasar dalam memberi interpretasi perubahan dalam struktur industri di sesebuah ekonomi (Wilson & Wong 1999).

Penggunaan metodologi analisis anjakan-bahagian dalam penulisan ini adalah untuk membuat perbandingan perubahan eksport oleh negara-negara ASEAN-6 yang bersaing, iaitu Brunei, Filipina, Indonesia,

Malaysia, Singapura dan Thailand ke region ekonomi dunia iaitu NAFTA dan EU dengan perbandingan kepada kelompok ekonomi yang lebih besar iaitu ASEAN-6 sendiri mengikut klasifikasi barangan yang didagangkan yang telah dikelaskan oleh Sekteriat AFTA. Jika kedudukan eksport Malaysia sebagai contohnya adalah sepadan dengan kedudukan eksport ASEAN-6, maka eksport Malaysia harus meningkat seiring dengan peningkatan eksport ASEAN-6 dan ini dikenali sebagai kesan bahagian (*share-effect*). Kesan bahagian mengukur perubahan sebagai contohnya, eksport kimia Malaysia ke NAFTA atau EU yang sepatutnya wujud atau berlaku jika eksport Malaysia meningkat pada kadar yang sama dan menunjukkan peratusan yang sama daripada jumlah eksport kimia oleh ASEAN-6 ke NAFTA atau EU. Kesan bahagian ini dipengaruhi oleh faktor luaran yang di luar kawalan negara pengeksporth, sebagai contoh situasi di negara-negara NAFTA dan EU seperti pertumbuhan dan keanjalan pendapatan. Sebarang perbezaan yang wujud antara perubahan jumlah eksport yang benar-benar wujud dengan apa yang sepatutnya wujud berdasarkan kesan bahagian dikenali sebagai perbezaan eksport (*export differential*) atau kesan anjakan (*shift effect*) dan ia diukur dalam sebutan mutlak ringgit. Nilai yang positif membayangkan peningkatan dalam daya saing relatif kepada ASEAN-6 dan nilai negatif merujuk kepada penurunan dalam daya saing. Teknik kesan bahagian menyatakan perbezaan eksport ini dapat dijelaskan kepada tiga sebab utama penyimpangan eksport; iaitu kesan struktur industri (*industry structural effect*), kesan daya saing (*competitive effect*) dan kesan interaksi (*interaction effect*). Tiga sumber penyimpangan ini sebahagian besar dipengaruhi oleh faktor dalaman oleh sesebuah negara.

$$AC - SE = ISE + CE + IE$$

dan $AC - SE$ = perbezaan eksport, AC merujuk kepada perubahan eksport sebenar antara tahun 1995 dan 2000, SE merujuk kesan bahagian, ISE merujuk kesan struktur industri, CE merujuk kesan daya saing dan IE merujuk kesan interaksi.

Formula dalam mendapatkan nilai pembolehubah di atas adalah seperti berikut;

$$\begin{aligned} SE &= X_{oj} P_{ir} G_{ir} \\ ISE &= X_{oj} (P_{ij} - P_{ir}) G_{ir} \end{aligned}$$

$$CE = X_{oj} P_{ir} (G_{ij} - G_{ir})$$

$$IE = X_{oj} (P_{ij} - P_{ir}) (G_{ij} - G_{ir})$$

yang mana;

X_{oj} = Jumlah eksport ke NAFTA / EU oleh negara pesaing j (j = iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) pada tahun 1995

P_{ij} = Bahagian jumlah eksport ke NAFTA / EU oleh negara pesaing j mengikut kategori barang i (i = 1,2,...,n)

G_{ij} = kadar pertumbuhan eksport oleh negara pesaing j bagi kategori barang i antara tahun 1995 dan 2000

P_{ir} = bahagian jumlah eksport ke NAFTA / EU oleh ASEAN-6 bagi kategori barang i (i = 1,2,...,n)

G_{ir} = kadar pertumbuhan eksport oleh ASEAN-6 bagi kategori barang i antara tahun 1995 dan 2000

Kesan struktur industri (ISE) menunjukkan berapa banyak perbezaan eksport dilihat antara negara pesaing j dengan kumpulan ekonomi yang besar (ASEAN-6). ISE bernilai positif jika bahagian eksport bagi industri i yang mengalami pertumbuhan pantas bagi sesebuah negara pesaing j adalah besar berbanding ASEAN-6 atau bahagian eksport bagi industri i yang mengalami pertumbuhan rendah meliputi bahagian yang kecil berbanding ASEAN-6. ISE bernilai negatif jika eksport sesebuah negara pesaing j didominasi secara relatif oleh industri yang mengalami pertumbuhan rendah atau kehilangan sesebuah industri i yang pada awalnya mengalami pertumbuhan tinggi.

Kesan daya saing (CE) menunjukkan berapa banyak perbezaan eksport yang tercapah disebabkan oleh perbezaan dalam kadar pertumbuhan bagi sesebuah negara pesaing dengan kumpulan ekonomi lebih besar (ASEAN-6), iaitu sumbangan yang dinamik bagi satu-satu sektor i dalam negara pesaing dibandingkan dengan perubahan bagi satu-satu sektor i bagi ASEAN-6. Jika pertumbuhan satu sektor i bagi sebuah negara pesaing lebih tinggi daripada pertumbuhan pada peringkat ASEAN-6, kesan yang terhasil adalah positif dan negara pesaing tersebut mempunyai kelebihan bersaing dalam sektor tersebut.

Kesan interaksi (IE) pula menunjukkan berapa banyak perbezaan eksport disebabkan atau berpunca daripada kombinasi antara struktur ekonomi dan daya saing. IE memperlihatkan jika negara-negara pesaing dalam ASEAN-6 mengkhusus dalam satu-satu sektor yang mana menikmati kelebihan daya saing. IE akan bernilai positif jika sama ada negara pesaing itu mengkhusus terhadap eksport barangan yang mana mempunyai kelebihan bersaing atau mengeluarkan barangan i untuk eksport secara kecil yang mana ia tidak mempunyai kelebihan bersaing.

ANALISIS ANJAKAN BAHAGIAN – MALAYSIA, ASEAN, NAFTA & EU

Data-data yang digunakan dalam analisis ini adalah diperolehi daripada Data Perdagangan ASEAN, Unit Maklumat Awam oleh Sekretariat ASEAN. Dalam menganalisis kesan anjakan-bahagian ini, langkah pertama yang diambil adalah mengira perubahan dalam eksport sebenar antara tempoh 1995-2000 bagi negara pesaing j ke EU dan NAFTA. Kemudian, langkah seterusnya adalah mendapatkan kesan bahagian (SE) iaitu perubahan dalam eksport bagi barang i jika pertumbuhan dalam eksport i berkadar sama dan meliputi bahagian yang sama daripada jumlah eksport barang i bagi ASEAN-6 ke EU dan NAFTA. Perbezaan antara perubahan benar dalam eksport (AC) dan kesan bahagian (SE) ditunjukkan pada kolom 2 dan 6 pada Jadual 16.2 dan Jadual 16.3. Perbezaan yang wujud di antara AC dan SE disebabkan oleh tiga sumber iaitu kesan struktur industri (kolom 3 dan 7), kesan daya-saing (kolom 4 dan 8) dan kesan interaksi (kolom 5 dan 9).

EKSPORT KE EU

Merujuk kepada Jadual 15.1, dengan melihat perbezaan antara AC dan SE, didapati Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina menunjukkan prestasi eksport yang baik ke EU berbanding Brunei dan Thailand yang mencatatkan nilai negatif. Ini memperlihatkan negara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina berupaya mengeksport lebih banyak ke EU berbanding dengan ASEAN-6 secara puratanya. Ini juga menggambarkan negara ini mempunyai struktur dan pertumbuhan yang lebih baik berbanding dengan ASEAN-6 secara keseluruhannya. Antara empat negara ini, Malaysia mencatatkan prestasi eksport ke EU yang paling baik apabila mencatatkan nilai perbezaan yang tertinggi iaitu US\$7,309 juta dan diikuti oleh Filipina (US\$3,305 juta),

Singapura (US\$3,305 juta) dan Indonesia (US\$1,596 juta). Bagi Malaysia, 8 daripada 22 jenis barang mencatat nilai yang positif. Antara barangan eksport ke EU yang mencatatkan perbezaan yang terbesar adalah mesin dan aplikasi elektrik, optikal dan peralatan muzik, keluaran galian, pulpa dan kertas, ternakan dan batu/simen/seramik dan ini menggambarkan industri keluaran barangan ini adalah berdaya-saing dan menunjukkan pertumbuhan yang baik berbanding dengan ASEAN-6 keseluruhan.

Kesan struktur industri (ISE) mengukur perbezaan dalam struktur industri bagi negara pesaing dan ASEAN-6. Komponen atau struktur yang baik terhasil apabila peratus eksport dalam industri yang bertumbuh dengan pesat bagi negara pesaing adalah lebih tinggi daripada ASEAN-6 keseluruhan. Jadual 15.1 menunjukkan secara keseluruhan semua negara pesaing ASEAN-6 mencatatkan nilai ISE yang positif. Di dapati Singapura mencatatkan nilai ISE yang tertinggi iaitu US\$2,870 juta dan diikuti oleh Thailand (US\$2,452 juta), Malaysia (US\$2,253 juta), Indonesia (US\$1,716 juta), Filipina (US\$852 juta) dan Brunei (US\$5.4 juta). Bagi Malaysia, 10 daripada 22 barangan mencatat nilai yang positif. Antara barangan eksport yang mencatatkan nilai ISE yang positif (campuran atau struktur yang baik) adalah keluaran galian, kimia, pulpa dan kertas, batu/simen/seramik, asas dan partikel besi, mesin dan aplikasi elektrik, pengangkutan dan alatan muzik.

Kesan daya-saing (CE) mengukur berapa banyak kadar pertumbuhan industri bagi ekonomi bersaing adalah lebih pantas atau perlahan berbanding dengan ASEAN-6. Angka positif (negatif) menggambarkan kelebihan (ketidaklebihan) bersaing. Berdasarkan Jadual 15.1, secara keseluruhannya didapati tiga negara pesaing mencatatkan nilai CE yang tinggi iaitu Malaysia yang mencatat US\$1,096 juta dengan diikuti oleh Filipina (US\$ 196 juta) dan Singapura (US\$137 juta). Ini memperlihatkan bahawa negara ini berada dalam kedudukan berdaya-saing yang mana kadar pertumbuhan eksport ke EU adalah lebih tinggi daripada ASEAN-6 sendiri. Bagi Malaysia, 10 daripada 22 barang mencatat nilai CE yang positif. Antara barangan atau industri yang mencatatkan pertumbuhan yang tinggi berbanding ASEAN-6 di Malaysia adalah mesin dan aplikasi elektrik, optik dan peralatan muzik, plastik, ternakan, keluaran galian, dan pulpa dan kertas.

EKSPORT KE NAFTA

Analisis anjakan-bahagian eksport ke NAFTA pula memperlihatkan Malaysia mencatatkan nilai yang negatif, iaitu sebanyak US\$200 juta. Begitu juga Thailand dan Brunei yang mana masing-masing mencatatkan nilai negatif sebanyak US\$1,071 juta dan US\$49 juta. Negara Filipina pula merupakan negara yang mencatatkan nilai perbezaan positif yang terbesar iaitu US\$5,382 juta dan diikuti oleh Singapura (US\$3,477 juta) dan Indonesia (US\$2,032 juta). Dari segi komponen eksport Malaysia, didapati terdapat perbezaan dari segi komponen yang mencatatkan perbezaan bernilai positif ke NAFTA dan EU. Sebanyak 10 daripada 22 jenis barang eksport ke NAFTA mencatat perbezaan yang positif berbanding 8 dengan EU. Antara barangan tersebut adalah optikal dan peralatan muzik, keluaran galian, tekstil dan pakaian, bahan makanan siap, ternakan dan keluaran tanaman dan batu/simen/seramik.

Bagi ISE pula, didapati semua negara pesaing mencatatkan ISE yang positif, dengan Singapura yang mencatat ISE yang tertinggi iaitu US\$3,477 juta dan diikuti oleh Malaysia (US\$2,317 juta), Indonesia (US\$2,032 juta), Thailand (US\$1,858 juta) Filipina (US\$1,191 juta) dan Brunei (US\$140 juta). Bagi Malaysia pula, sebanyak 13 daripada 22 barangan mencatatkan nilai ISE yang positif. Antaranya adalah mesin dan aplikasi elektrik, tekstil dan pakaian, optikal dan peralatan muzik, asas dan partikal besi, keluaran galian, kimia, ternakan, bahan makanan siap, kulit dan belulang, pulpa dan kertas dan kelengkapan senjata.

CE pula menunjukkan bahawa hanya tiga negara pesaing mencatatkan nilai positif iaitu Filipina (US\$448 juta), Singapura (US\$232 juta) dan Indonesia (US\$87 juta). Manakala negara pesaing yang lain mencatat nilai CE yang negatif iaitu Malaysia (US\$620 juta), Thailand (US\$534 juta) dan Brunei (US\$2.2 juta). Sebanyak 8 daripada 22 jenis barang industri mencatat daya saing yang positif oleh Malaysia ke NAFTA. Antaranya adalah optikal dan peralatan muzik, plastik, keluaran galian, pulpa dan kertas, bahan makanan siap, ternakan dan keluaran tanaman.

Merujuk kepada Rajah 15.3 dan Rajah 15.4 pula, secara keseluruhannya dapat di lihat bahawa terdapat perbezaan daripada segi komposisi daya saing eksport negara-negara pesaing dalam ASEAN-

6 ke EU dan NAFTA. Bagi eksport ke EU, antara keluaran industri yang dianggap berdaya saing berdasarkan analisis anjakan-bahagian ini adalah tekstil dan pakaian (Singapura dan Indonesia), kimia (Thailand dan Indonesia), mesin dan aplikasi elektrik (Malaysia, Singapura dan Indonesia), kelengkapan senjata (Singapura) dan optikal dan peralatan muzik (Malaysia). Komposisi ini agak sedikit berbeza dengan komposisi barangan yang dianggap berdaya saing ke pasaran NAFTA yang meliputi ternakan (Indonesia dan Filipina), keluaran galian (Malaysia, Singapura dan Brunei), tekstil dan pakaian (Indonesia, Singapura, Filipina dan Malaysia), mesin dan aplikasi elektrik (Filipina, Singapura dan Indonesia) dan optikal dan peralatan muzik (Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina). Jadi, dapat dikatakan walaupun satu-satu jenis keluaran itu berdaya saing di pasaran EU misalnya, tidak semestinya ia juga turut berdaya saing di pasaran NAFTA. Ini dapat dilihat yang mana keluaran kimia dan kelengkapan senjata adalah antara keluaran yang dianggap berdaya saing di pasaran EU tetapi tidak di NAFTA. Begitu juga keluaran ternakan dan keluaran galian yang dianggap berdaya saing di NAFTA tetapi tidak di EU.

JADUAL 15.1

Ringkasan Kedudukan Eksport Negara-negara Pesaing Dalam ASEAN-6 Ke Pasaran EU dan NAFTA (1995-2000)

Negara		EU	NAFTA
Malaysia	Perbezaan	7,309.0	-200.8
	ISE	2,253.2	2,317.0
	CE	1,096.2	-620.7
	IE	3,959.6	-1,897.1
Indonesia	Perbezaan	1,596.1	2,032.2
	ISE	1,716.3	1,274.3
	CE	-18.3	87.5
	IE	-101.9	670.4
Singapura	Perbezaan	3,305.4	3,477.8
	ISE	2,870.1	2,788.7
	CE	137.7	232.5
	IE	297.5	456.6
Thailand	Perbezaan	5,762.4	-1,071.5
	ISE	2,452.2	1,858.8
	CE	-2,009.8	-534.0
	IE	-6,204.7	-2,396.3
Filipina	Perbezaan	3,703.2	5,382.2
	ISE	852.6	1,191.0
	CE	196.7	448.1
	IE	2,653.9	3,743.1
Brunei	Perbezaan	-1.3	-49.5
	ISE	5.6	140.6
	CE	-0.00029	-2.2
	IE	-6.9	-188.0

JADUAL 15.2
Kedudukan Eksport Mengikut Jenis Barang Industri Negara-negara pesaing Dalam ASEAN-6 ke EU (1995-2000)

	MALAYSIA				INDONESIA			
	Perbezaan	ISE	CE	IE	Perbezaan	ISE	CE	IE
Ternakan	14,846.5	-833.8	1,255.9	14,424.4	69,598.5	-1,529.9	11,462.9	59,665.4
Keluaran Tanaman	-10,222.5	-5,511.3	-89.0	-4,622.2	-64,573.4	-60,754.1	-1,094.0	-2,725.4
Minyak dan Lemak	-168,199.7	-131,076.9	-12,853.9	-24,268.9	-53,306.8	-142,533.1	39,074.0	50,152.3
Bahan Makanan Siap	-105,008.3	-16,844.6	-14,797.9	-73,365.8	-58,826.8	-18,866.1	-7,757.1	-32,203.7
Keluaran Galian	56,889.1	12,100.6	1,074.9	43,713.6	-147,782.5	49,531.4	-176,118.1	-21,195.8
Kimia	-93,725.2	225,690.2	-71,877.9	-247,537.4	142,845.1	120,187.6	2,347.4	20,310.2
Plastik	-80,246.7	-138,383.6	24,258.3	33,878.6	-1,755.5	-77,549.9	12,335.6	63,458.8
Kulit & Belulang	1,032.9	-1,552.8	112.2	2,473.5	17,350.9	-6,821.2	5,797.0	18,375.2
Kayu & Bahan Kayu	-236,998.9	-101,189.5	-40,798.9	-95,010.5	28,375.0	-120,369.0	74,448.4	74,295.5
Pulpa & Kertas	24,619.7	6,872.5	643.4	17,103.7	82,752.5	48,377.8	15,003.7	19,371.0
Tekstil & Pakaian	-123,410.5	-11,133.7	-14,601.0	-97,675.8	307,932.1	-24,042.2	140,927.4	191,047.0
Kasut	-612.8	-8,215.6	216.1	7,386.6	21,503.3	-72,670.0	54,200.0	39,973.3
Batu/Simen/Seramik	9,369.5	9,263.6	23.6	82.3	37,522.0	7,732.3	5,213.6	24,576.1
Permata	-56,044.7	-77,005.7	531.9	20,429.2	-4,571.3	-11,082.2	23.3	6,487.7
Asas Metal & Partikel Besi	-47,684.0	28,721.2	-25,395.8	-51,009.4	81,594.5	21,240.6	12,488.9	47,865.1
Mesin & Aplikasi Elektrik	7,596,109.6	2,905,999.2	1,220,030.1	3,470,080.4	1,015,662.1	318,734.5	15,036.2	681,891.4
Pengangkutan	-135,488.3	70,330.2	-79,962.9	-125,855.5	3,140.9	21,295.7	-1,416.5	-16,738.3
Optikal & Peralatan Muzik	239,011.1	76,283.5	36,334.7	126,392.8	69,330.5	10,498.2	1,439.4	57,392.9
Kelengkapan Senjata	-661.9	-355.7	-133.0	-173.2	-14.3	-21.9	0.1	7.5
Bahagian Pembuatan Lain	159,103.1	20,692.6	22,224.3	116,186.1	254,762.7	34,326.8	74,398.0	146,037.8
Barang Antik & Seni	-81,312.2	47,439.3	-32,442.2	-96,309.3	1,506.0	178.3	0.9	1,326.7
Lain - Lain	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
JUMLAH	7,309,056.4	2,253,246.2	1,096,000.1	3,959,590.1	1,596,107.4	1,716,339.6	-18,353.5	-101,878.6

JADUAL 15.2 (sambungan).

	SINGAPURA				THAILAND			
	Perbezaan	ISE	CE	IE	Perbezaan	ISE	CE	IE
Ternakan	-1,502.0	-1,223.3	-34.4	-244.3	-88,861.8	-2,665.6	-53,462.2	-32,734.1
Keluaran Tanaman	-51,565.8	-39,553.4	-1,898.5	-10,113.9	-73,629.3	-74,100.7	223.1	248.2
Minyak dan Lemak	-2,069.3	-2,133.1	0.2	63.5	980.7	-170.5	0.3	1,150.9
Bahan Makanan Siap	3,770.9	-5,381.2	428.4	8,723.6	145,092.4	-30,115.9	84,659.6	90,548.7
Keluaran Galian	3,790.8	10,563.6	-141.4	-6,631.3	174,146.2	27,408.9	8,249.3	138,488.1
Kimia	646,823.4	314,264.8	194,433.1	138,125.6	67,445.7	76,841.9	-595.7	-8,800.5
Plastik	6,365.9	-59,636.9	7,849.9	58,152.9	-328,253.9	-117,820.4	-61,591.9	-148,841.6
Kulit & Belulang	16,754.6	-846.3	407.5	17,193.3	-63,101.4	-8,713.9	-34,308.1	-20,079.5
Kayu & Bahan Kayu	-41,661.2	-28,935.8	-817.3	-11,908.1	-26,274.4	-31,819.6	394.5	5,150.6
Pulpa & Kertas	8,479.3	41,027.0	-9,650.7	-22,897.0	26,703.3	23,875.8	399.7	2,427.7
Tekstil & Pakaian	209,550.8	-6,878.8	16,365.4	200,064.2	-387,790.5	-19,415.5	-99,612.1	-268,762.9
Kasut	27,905.6	-5,003.5	563.2	32,345.9	-164,657.6	-62,679.7	-30,775.2	-71,202.6
Batu/Simen/Seramik	7,917.8	2,761.0	281.2	4,875.6	-11,301.1	13,023.4	-10,153.8	-14,170.7
Permata	7,249.2	-32,562.3	420.8	39,390.7	-390,225.2	-240,043.6	-137,540.2	-12,641.4
Asas Metal & Partikel Besi	-13,124.4	22,406.0	-7,913.1	-27,617.3	62,227.8	21,125.1	8,442.8	32,659.8
Mesin & Aplikasi Elektrik	-1,685,566.2	3,757,232.6	-2,906,942.3	-2,535,856.4	-1,426,968.4	1,587,036.2	-359,730.5	-2,654,274.0
Pengangkutan	-69,018.0	61,543.4	-38,488.4	-92,073.1	242,704.1	39,240.4	32,003.2	171,460.4
Optikal & Peralatan Muzik	8,837.1	109,483.2	-46,996.8	-53,649.3	-31,895.4	73,393.4	-22,285.2	-83,003.7
Kelengkapan Senjata	129.9	-1.8	0.2	131.5	-194.9	-139.3	-6.0	-49.5
Bahagian Pembuatan Lain	-93,067.3	15,127.9	-11,990.1	-96,205.0	-180,876.0	31,541.9	-61,376.7	-151,041.2
Barang Antik & Seni	251,990.3	56,396.3	129,292.5	66,301.6	-26,397.4	11,059.7	-1,725.4	-35,731.7
Lain - Lain	403,801.1	0.0	0.0	0.0	-392,815.1	4,888.1	-393,294.7	-4,408.5
JUMLAH	3,305,353.6	2,870,094.5	137,725.1	297,534.0	-5,762,367.2	2,452,204.1	-2,009,838.3	-6,204,733.0

JADUAL 15.2 (sambungan).

	FILIPINA			BRUNEI				
	Perbezaan	ISE	CE	IE	Perbezaan	ISE	CE	IE
Temakan	-410.1	-167.5	-3.6	-239.0	-93.2	-2.1	0.0	-91.1
Keluaran Tanaman	2,453.6	-17,618.0	1,270.0	18,801.5	0.0	0.0	0.0	0.0
Minyak dan Lemak	-149,998.5	-96,680.0	-11,294.7	-42,023.8	0.0	0.0	0.0	0.0
Bahan Makanan Siap	-67,856.2	-11,620.7	-6,075.0	-50,160.6	-0.8	-0.5	0.0	-0.3
Keluaran Galian	15,804.0	3,243.2	79.4	12,481.4	0.1	0.1	0.0	0.0
Kimia	3,078.5	29,428.2	-613.5	-25,736.2	-11.4	43.6	0.0	-55.0
Plastik	5,774.9	-4,709.7	87.5	10,397.2	4.5	-10.3	0.0	14.8
Kulit & Belulang	7,814.2	-2,203.3	629.4	9,388.1	11.2	-0.1	0.0	11.3
Kayu & Bahan Kayu	-34,462.8	-28,714.1	-366.2	-5,382.6	-8.5	-2.9	0.0	-5.6
Pulpa & Kertas	-6,387.6	16,003.2	-2,000.6	-20,390.3	-4.1	6.6	0.0	-10.7
Tekstil & Pakaian	-76,300.8	-8,795.0	-6,697.4	-60,808.5	-266.5	-20.2	-0.1	-246.2
Kasut	-53,885.8	-21,177.2	-2,523.2	-30,185.4	1.3	0.0	0.0	0.0
Batu/Simen/Seramik	-4,639.8	6,072.5	-1,396.8	-9,315.5	-6.6	8.9	0.0	-15.5
Permata	-49,954.9	-132,853.0	3,702.2	79,196.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Asas Metal & Partikel Besi	13,660.8	4,059.5	311.2	9,290.1	897.5	19.8	0.1	877.6
Mesin & Aplikasi Elektrik	3,982,399.6	913,548.7	198,517.8	2,870,333.1	3,423.4	2,509.0	0.2	914.2
Pengangkutan	176,848.9	19,345.4	11,070.6	146,432.9	-3,184.7	3,247.8	-71.4	-6,361.2
Optikal & Peralatan Muzik	14,122.3	29,773.7	-1,142.9	-14,508.5	298.2	271.7	0.0	26.5
Kelengkapan Senjata	-130.1	-356.0	98.5	127.4	-10.8	-7.4	0.0	-3.3
Bahagian Pembuatan Lain	-24,177.4	14,080.1	-3,907.9	-34,349.6	26.9	2.6	0.0	24.3
Barang Antik & Seni	-18,442.0	7,844.6	-846.6	-25,440.1	-2,423.5	2,002.8	-35.5	-4,390.8
Lain - Lain	-1,209.8	4,888.1	-67.6	-6,030.3	0.0	0.0	0.0	0.0
JUMLAH	3,703,194.4	852,579.0	196,738.3	2,653,877.1	-1,296.2	5,585.0	-2.9	-6,878.3

JADUAL 15.3
Kedudukan Eksport Mengikut Jenis Barang Industri Negara-negara pesaing Dalam ASEAN-6 ke NAFTA (1995-2000)

	MALAYSIA				INDONESIA			
	Perbezaan	ISE	CE	IE	Perbezaan	ISE	CE	IE
Ternakan	4,027.8	2,089.1	17.3	1,921.3	202,773.0	20,206.6	17,261.6	165,304.8
Keluaran Tanaman	3,742.1	-449.4	17.8	4,173.7	1,476.3	-22,410.8	7,201.8	16,685.4
Minyak dan Lemak	-82,161.0	-50,543.8	-10,348.0	-21,269.2	6,368.6	-26,795.7	4,474.8	28,689.5
Bahan Makanan Siap	29,972.4	991.8	1,334.4	27,646.2	33,792.1	2,618.1	4,173.0	27,001.0
Keluaran Galian	379,365.2	43,981.7	24,770.8	310,612.7	-513,321.6	104,771.9	-491,412.6	-126,680.9
Kimia	39,432.6	51,410.9	-2,497.7	-9,480.5	91,440.3	14,582.0	3,784.2	73,074.1
Plastik	-44,337.2	-180,422.1	39,071.6	97,013.3	-349,486.5	-210,838.2	-54,904.8	-83,743.6
Kulit & Belulang	-3,487.9	2,285.4	-97.2	-5,676.1	80,176.1	21,449.8	11,289.3	47,437.0
Kayu & Bahan Kayu	-24,167.8	-12,448.4	-2,150.9	-9,568.5	123.9	-20,760.8	10,640.7	10,244.0
Pulpa & Kertas	48,868.4	11,145.0	1,809.8	35,913.6	129,710.4	37,023.3	17,287.3	75,399.8
Tekstil & Pakaian	189,040.5	204,424.2	-1,724.3	-13,659.4	974,208.5	338,978.0	132,447.2	502,783.3
Kasut	-8,198.8	-4,368.4	-33.3	-3,797.0	3,065.8	-124,106.6	72,665.2	54,507.2
Batu/Simen/Seramik	14,572.4	8,309.0	1,261.4	5,002.0	42,851.5	9,748.5	8,355.2	24,747.8
Permata	-21,688.8	-7,149.0	-1,376.4	-13,163.3	10,068.2	-2,068.1	308.8	11,827.5
Asas Metal & Partikel Besi	-19,639.3	49,932.4	-14,963.0	-54,608.7	173,152.1	43,517.6	23,238.8	106,395.7
Mesin & Aplikasi Elektrik	-486,433.3	1,907,391.1	-708,405.2	-1,685,419.2	674,515.8	240,967.7	11,729.3	421,818.8
Pengangkutan	-557,549.3	-68,562.2	-350,811.7	-138,175.5	6,645.9	-13,401.5	828.6	19,218.8
Optikal & Peralatan Muzik	396,160.8	138,630.3	42,450.7	215,079.8	119,644.2	23,187.4	2,274.7	94,182.1
Kelengkapan Senjata	-1,174.0	945.7	-979.5	-1,140.2	-351.0	462.6	-115.3	-698.4
Bahagian Pembuatan Lain	140,322.5	54,930.1	23,626.2	61,766.2	309,710.5	37,224.8	44,088.6	228,397.1
Barang Antik & Seni	-82,400.9	9,471.9	-41,357.3	-50,515.5	1,882.2	40.7	2.0	1,839.5
Lain - Lain	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
JUMLAH	-200,811.8	2,317,000.7	-620,719.4	-1,897,093.1	2,032,223.7	1,274,274.3	87,541.8	670,407.6






JADUAL 15.3 (sambungan).

	SINGAPURA				INDONESIA			
	Perbezaan	ISE	CE	IE	Perbezaan	ISE	CE	IE
Ternakan	8,966.3	16,674.5	-589.7	-7,118.5	-124,400.5	48,814.5	-122,603.9	-50,611.1
Keluaran Tanaman	15,052.4	-7,089.4	1,589.1	20,552.7	-90,726.9	-26,539.8	-30,513.3	-33,673.8
Minyak dan Lemak	3,356.7	-831.4	15.2	4,172.9	-357.8	-341.4	0.0	-16.4
Bahan Makanan Siap	-10,480.6	810.2	-420.8	-10,870.0	6,446.3	5,573.1	486.0	387.2
Keluaran Galian	158,830.5	68,031.3	10,920.6	79,878.6	49,373.3	1,396.9	104.5	47,871.9
Kimia	-14,054.5	70,656.2	-55,251.7	-29,459.0	32,926.1	17,221.7	922.4	14,782.0
Plastik	-19,791.5	-38,745.3	873.3	18,080.5	-187,396.1	-160,941.6	-6,358.2	-20,096.3
Kulit & Belulang	12,185.3	693.3	58.0	11,434.1	-75,820.6	34,404.8	-51,744.5	-58,480.9
Kayu & Bahan Kayu	-7,397.2	-2,691.7	-157.8	-4,547.7	-8,310.1	-10,373.6	301.8	1,761.6
Pulpa & Kertas	-38,431.7	59,035.0	-57,488.0	-39,978.6	4,239.4	21,594.9	-1,703.0	-15,652.5
Tekstil & Pakaian	326,846.8	226,289.7	12,676.1	87,881.1	-145,987.8	380,329.8	-129,140.0	-397,177.6
Kasut	-3,219.5	-1,751.6	-5.1	-1,462.8	-166,068.3	-109,282.0	-17,868.5	-38,917.9
Batu/Simen/Seramik	11,158.2	1,102.6	219.4	9,836.2	-42,543.9	12,449.1	-22,269.9	-32,723.1
Permata	30,566.3	-4,670.8	2,098.0	33,139.0	-56,961.6	-13,763.1	-34,194.0	-9,004.6
Asas Metal & Partikel Besi	26,151.7	31,389.8	-632.2	-4,605.9	52,599.5	68,634.7	-5,869.1	-10,166.2
Mesin & Aplikasi Elektrik	1,269,422.5	2,287,138.0	-495,886.4	-521,829.2	-344,306.5	894,692.3	-136,023.9	-1,102,975.0
Pengangkutan	185,452.6	-32,023.1	23,031.1	194,444.6	199,583.8	-24,340.9	17,480.9	206,443.8
Optikal & Peralatan Muzik	336,164.7	236,456.8	37,566.0	62,141.9	-158,648.6	192,059.5	-89,968.0	-260,740.1
Kelengkapan Senjata	10.2	2.0	0.0	8.2	668.6	490.6	27.1	151.0
Bagian Pembuatan Lain	-87,325.2	17,252.8	-7,048.5	-97,529.4	-174,198.3	56,936.6	-67,882.9	-163,252.0
Barang Antik & Seni	101,272.1	9,504.5	49,593.1	42,174.5	-300.0	64.0	-0.6	-363.4
Lain - Lain	5,984.9	0.0	0.0	0.0	43,802.6	22,804.4	18,627.0	2,371.2
JUMLAH	3,477,791.0	2,788,714.7	232,514.7	456,561.7	-1,071,460.0	1,858,811.0	-533,975.7	-2,396,295.3






JADUAL 15.3 (sambungan).

	FILIPINA			BRUNEI			IE	
	Perbezaan	ISE	CE	IE	Perbezaan	ISE		CE
Ternakan	29,859.0	12,211.3	965.9	16,681.7	-8,442.7	12,786.8	-1,220.2	-20,009.2
Keluaran Tanaman	8,274.4	-8,497.9	1,467.8	15,304.5	-8,770.5	-5,964.7	-167.2	-2,638.5
Minyak dan Lemak	-62,876.2	-57,146.7	-3,051.8	-2,677.7	8.6	-2.1	0.0	10.7
Bahan Makanan Siap	-8,604.4	2,793.0	-1,648.0	-9,749.4	-36,645.3	1,694.2	-3,132.5	-35,207.1
Keluaran Galian	8,855.1	5,454.6	29.1	3,371.4	140,591.9	58.1	12.7	140,521.1
Kimia	14,254.8	8,379.0	162.5	5,713.2	-631.7	1,117.8	-6.3	-1,743.2
Plastik	9,484.2	-11,922.7	293.6	21,113.3	-25,861.7	-14,519.1	-190.0	-11,152.7
Kulit & Belulang	84,589.4	28,858.2	16,568.9	39,162.3	-7,356.5	2,594.4	-190.5	-9,760.4
Kayu & Bahan Kayu	-19,318.0	-8,863.1	-1,269.6	-9,185.3	3,457.4	-474.2	22.6	3,909.1
Pulpa & Kertas	2,064.0	16,798.8	-1,095.9	-13,638.9	-78.1	775.4	-2.7	-850.8
Tekstil & Pakaian	232,853.1	417,816.7	-52,558.6	-132,405.1	38,662.6	47,785.3	-217.4	-8,905.3
Kasut	-87,383.7	-38,703.1	-4,055.8	-44,624.7	-25,593.1	-9,185.7	-303.0	-16,104.3
Batu/Simen/Seramik	8,702.9	4,660.2	405.3	3,637.5	2,500.4	972.0	29.3	1,499.1
Permata	10,541.3	-1,045.6	147.1	11,439.8	-2,543.6	-1,311.5	-19.7	-1,202.3
Asas Metal & Partikel Besi	3,028.8	23,200.0	-1,730.7	-18,440.6	-9,135.0	9,483.3	-617.4	-18,000.8
Mesin & Aplikasi Elektrik	4,990,367.4	649,119.6	333,435.5	4,007,812.4	-95,335.6	28,921.6	-393.8	-123,863.4
Pengangkutan	13,517.4	-15,211.2	1,356.1	27,372.5	-4,559.8	-3,370.5	-12.0	-1,177.3
Optikal & Peralatan Muzik	53,689.2	140,822.4	-14,647.1	-72,486.0	-5,700.6	10,153.3	-161.5	-15,692.4
Kelengkapan Senjata	3,448.2	701.1	669.3	2,077.8	0.0	0.0	0.0	0.0
Bahagian Pembuatan Lain	27,380.8	41,638.4	-2,658.7	-11,598.9	-4,131.7	3,776.0	-110.3	-7,797.4
Barang Antik & Seni	172.4	52.7	0.2	119.6	-1,290.2	201.9	-7.9	-1,484.2
Lain - Lain	-3,033.2	11,966.7	-835.0	-14,165.0	305.6	12,288.8	-686.2	-11,297.1
JUMLAH	5,382,190.4	1,190,960.6	448,078.4	3,743,151.4	-49,533.0	140,639.0	-2,168.9	-188,003.1

RAJAH 15.3
Kedudukan Daya-Saing (Perbezaan AC-SE) Negara-negara
Pesaing ASEAN-6 ke EU Mengikut Kumpulan Barangan
(1995-2000)



RAJAH 15.4
Kedudukan Daya-Saing (Perbezaan AC-SE) Negara-negara
Pesaing ASEAN-6 ke NAFTA Mengikut Kumpulan Barangan
(1995-2000)



KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis anjakan-bahagian di atas, iaitu dengan melihat kepada tahap daya saing (merujuk kepada perbezaan AC dan SE), didapati bahawa keluaran industri Malaysia lebih berdaya-saing di pasaran EU berbanding dengan pasaran NAFTA. Ini memberi gambaran bahawa perluasan eksport ASEAN-6 ke EU lebih memberi manfaat kepada industri di Malaysia berbanding dengan perluasan pasaran eksport ASEAN-6 ke NAFTA. Ini berlaku kerana eksport Malaysia kurang berdaya saing jika dibandingkan dengan rakan-rakan pesaingnya dalam ASEAN-6 ke pasaran NAFTA. Antara keluaran industri yang dikenal pasti kurang berdaya saing ke NAFTA adalah keluaran minyak dan lemak, plastik, kulit dan belulang, kayu dan bahan kayu, kasut, permata, asas dan partikel basi, mesin dan aplikasi elektrik, pengangkutan dan kelengkapan senjata.

Ironinya, sungguhpun didapati keluaran industri Malaysia secara keseluruhannya adalah kurang berdaya-saing berbanding rakan pesaing ASEAN-6 ke NAFTA, tetapi sebahagian besar eksport Malaysia lebih tertumpu ke NAFTA berbanding ke EU. Di dapati dalam tempoh 1993 hingga 2000, sekitar 30% haluan eksport Malaysia menuju ke NAFTA berbanding sekitar 15% sahaja ke EU. Jika kedudukan ketidaklebihan bersaing ini berlaku berterusan, ini tentunya akan memberi kesan yang negatif terhadap ekonomi Malaysia kerana kemungkinan eksport Malaysia ke NAFTA (yang meliputi sebahagian besar keseluruhan eksport Malaysia) akan berkurangan kesan dari ketidaklebihan bersaing dan seterusnya memberi kesan terhadap pendapatan eksport Malaysia. Oleh itu, langkah-langkah yang wajar perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi tahap daya saing bagi industri yang dikenalpasti kurang berdaya saing bagi pasaran eksport ke NAFTA.